

Unsur Politik dalam Novel *Nenek* Karya Razali Endun

Rosnani Md Zain* dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi

Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kertas kerja ini membicarakan mengenai unsur politik yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun. Novel *Nenek* merupakan pemenang Hadiah Sastera Perdana 2014. Novel *Nenek* banyak memaparkan isu politik relevan dalam konteks kehidupan pada masa kini. Oleh itu, isu politik yang telah dibangkitkan ini telah menarik minat pengkaji untuk melihat isu politik yang diketengahkan oleh Razali Endun. Justeru, kajian ini akan mengenalpasti dan menganalisis unsur politik yang diketengahkan oleh Razali Endun dalam novel *Nenek*. Bagi memperoleh data kajian, pengkaji akan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks serta teori Psikoanalisis Sigmund Freud. Hasil kajian mendapati teks ini menyentuh mengenai pemimpin dan kepemimpinan dalam politik, politik dan kuasa serta politik dan rasuah.

Kata kunci: Politik; novel; Nenek; Teori Psikonalisis Sigmund Freud

Political Elements in ‘Nenek’ Novel by Razali Endun

INFO MAKALAH

Pewasitan Makalah:

Dihantar: -

Diterima: -

E-mail:

nanieyzain@gmail.com (Rosnani Md Zain)

nikrafidah@gmail.com (Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi)

*Penulis penghubung

ABSTRACT

This paper discusses the political elements contained in the Nenek by Razali Endun. Nenek is the winner of Hadiah Sastera Perdana 2014. Nenek have a lot of political issues relevant in today's context of life. Therefore, this raised political issue has attracted researchers to look at the political issues highlighted by Razali Endun. Hence, this study will identify and analyze the political elements presented by Razali Endun in Nenek. To obtain the research data, the researcher will use the library method and text analysis as well as Sigmund Freud's psychological analysis. The study finds that this text discuss on leaders and leadership in politics, politics and power and also politics and corruption.

Keywords: political elements, novel, Nenek, theories of Sigmund Freud Psikonalisis.

PENGENALAN

Novel merupakan karya kreatif yang banyak memaparkan realiti kehidupan masyarakat. Oleh kerana novel merupakan adaptasi daripada kejadian yang berlaku dalam masyarakat maka banyak isu yang boleh dibangkitkan dalam sesebuah novel antaranya ialah isu politik.

Politik dan manusia merupakan dua elemen yang saling menyatu sehinggakan ahli politik Yunani mengatakan bahawa manusia itu semulajadi haiwan politik dan semua jenis perhubungan manusia dalam masyarakat bersifat politikal. Bagi Aristotle, ilmu politik itu adalah ibu kepada segala ilmu (Syed Ahmad Hussein, 1994). Dilihat dari satu segi, politik sememangnya boleh merangkumi semua kegiatan manusia.

Menurut Ahmad Atory (1998) secara umum politik ialah yang berhubung dengan pemerintahan, atau cara-cara memperoleh kuasa di dalam semua organisasi manusia yang formal atau tidak formal seperti di dalam sebuah masyarakat kampung, desa, negeri, negara atau institusi antarabangsa. Bidang politik selalunya dikaitkan dengan hal mengurus pentadbiran, pengurusan semasa, pertembungan parti politik, dan perbincangan konflik pada peringkat keluarga, masyarakat, negara serta dunia (Mohd Syakir Rosdi, 2013). Politik lazimnya membincangkan tiga perkara utama, iaitu perbandingan politik, hubungan antarabangsa, dan teori politik (Kesselmen, M. et al., 2010 dalam Jeniri Amir, 2005:).

Dalam dunia Islam, “politik” lebih dikenali sebagai “siasah”. Perkataan siasah yang digunakan dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu didapati berasal daripada bahasa Arab. Perkataan ini telah diterima sebagai sebahagian daripada perbendaharaan kata bahasa Melayu sejak kedatangan Islam pada abad ke- 15 lagi, iaitu lebih awal daripada perkataan politik yang dibawa oleh penjajah Inggeris dan Belanda (Mohd Rumaizuddin, 2004 dalam Mohd Syakir Rosdi, 2013:).

Menurut Yusuf al-Qaradhawi 2002 (dalam Mohd Syakir Rosdi, 2013:1) Islam menyediakan semua panduan dengan sempurna bagi mengatur kehidupan manusia, termasuklah dalam bidang politik. Tanpa kuasa politik, negara tidak dapat melakukan kewajipan tersebut, iaitu dengan memastikan keadilan ditegakkan, solat didirikan, dan orang yang dizalimi dibantu agar tanggungjawab menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Kertas kerja ini juga bertitik tolak daripada pengamatan beberapa orang sarjana sastra tempatan yang membicarakan mengenai novel *Nenek*. Antaranya ialah Awang Azman Awang Pawi dalam *Dewan Sastera* (2016) menyatakan bahawa *Nenek* merupakan sebuah novel yang mengangkat isu politik kepartian. Manakala Disman dalam *Dewan Sastera* (2016) menyatakan bahawa *Nenek* merupakan sebuah novel yang mewakili suara rakyat. Isu yang dipaparkan dalam novel *Nenek* terutamanya isu politik merupakan lambang derita rakyat tertindas yang tidak mengira apa jua bangsa. Penduduk setempat terpaksa menanggung penderitaan akibat daripada perbuatan tamak pemimpin politik. Pendapat ini dikukuhkan lagi dengan kenyataan panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2014 yang mengatakan bahawa Razali Endun berjaya meneroka isu politik yang membelenggu masyarakat dengan gaya bahasa dan teknik penceritaan yang sederhana. Kesengsaraan yang terpaksa ditanggung oleh penduduk setempat amat terkesan. Berdasarkan pendapat panel hakim dan penggiat sastra tersebut mengenai novel *Nenek* yang mengupas isu politik telah menarik minat pengkaji untuk mempericikan unsur politik yang terdapat dalam novel tersebut.

Di samping itu juga berdasarkan sorotan kajian, Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah

Nik Muhamad Affendi telah menghasilkan dua kertas kerja berkaitan dengan novel kajian. Kajian pertama berjudul “Fenomena Sosial dalam Novel *Nenek* karya Razali Endun” yang diterbitkan dalam Jurnal *Pendeta* pada tahun 2017. Kertas kerja ini memfokuskan terhadap fenomena sosial yang merangkumi tatacara perhubungan dalam masyarakat, kekeluargaan, kemiskinan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat. Unsur politik tidak disentuh dalam kertas kerja tersebut. Manakala kertas kerja kedua yang berjudul “Unsur Konflik dalam Novel *Nenek* karya Razali Endun” yang telah diterbitkan dalam *Malay Literature* memfokuskan terhadap aspek konflik yang merangkumi konflik kepimpinan politik, keluarga, ekonomi dan individu. Walaupun konflik kepimpinan dalam politik telah disentuh dalam kertas kerja terdahulu namun ianya tidak menyeluruh dan masih terdapat lagi lompang kosong yang perlu didedahkan kepada masyarakat. Manakala kertas kerja yang akan dihasilkan ini memfokuskan terhadap aspek politik yang belum disentuh dalam dua kertas kerja yang dihasilkan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan mengklasifikasi dan menganalisis unsur politik yang terdapat dalam novel *Nenek* karya Razali Endun.

METODOLOGI

Dalam analisis ini pengkaji telah menggunakan kaedah analisis kandungan pada keseluruhan kajian. Kaedah ini dipilih kerana pengumpulan data dan analisis data bersumberkan kandungan teks iaitu novel *Nenek*. Oleh sebab kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada analisis terhadap novel *Nenek*, maka kaedah ini memberi kelebihan kepada pengkaji lebih dekat dengan teks yang akan dianalisis.

Di samping itu, pengkaji akan menggunakan teori Psikonalisis Sigmund Freud. Teori Psikoanalisis Sigmund Freud menekankan tiga unsur psikologi iaitu id, ego dan super-ego. Id merupakan bahagian personaliti yang paling asas. Ia merupakan sistem asal sejak manusia dilahirkan lagi. Sehubungan itu, Mahmood Nazar Mohamed (2001) menegaskan bahawa id adalah dorongan biologikal dan tenaga naluri manusia yang memotivasikan manusia untuk berbuat apa sahaja bagi memenuhi apa yang dikehendakinya. Id hanya mampu menginginkan sesuatu tetapi tidak dapat membezakan atau menilai sesuatu itu diperlukan atau tidak. Id juga tidak mampu menilai atau membezakan sesuatu perbuatan atau tingkah laku itu benar atau salah, atau dalam kata lain tidak mengenal erti moral (Sigmund Freud, 1991). Kesemua kehendak seperti makan, minum, seks, keganasan, kegembiraan, kehairahan dan sebagainya mempunyai arah teradap kelazatan dan keperluan hidup ini termasuk di bawah pengaruh id. Oleh itu, id beroperasi di bawah prinsip kelazatan.

Unsur ego adalah suatu entiti yang mengundang rasa kasihan, yang genting sifatnya, terpuak oleh keadaan dunia luar, dimomok oleh cacian ganas super ego, diganggu oleh tuntutan id yang rakus dan tidak pernah puas. Ego adalah struktur personaliti yang mencari jalan bagaimana untuk memuaskan kehendak id. Unsur ego ini juga pernah dijelaskan oleh Habibah Elias dan Noran Fauziah (dalam Nik Rafidah, 2016) sebagai melengahkan kepuasan id sehingga seseorang dapat mencari objek yang sesuai dalam persekitarannya. Justeru, fungsi melengahkan pencapaian kepuasan ini dinamakan sebagai prinsip kebenaran atau realiti (Sigmund Freud, 1991).

Komponen personaliti ego pula dianggap sebagai eksekutif kepada personaliti manusia. Id merupakan tenaga kepada manusia bagi memenuhi kehendak tersebut tanpa mengetahui cara-cara untuk memenuhi kehendak tersebut. Ego adalah struktur personaliti yang mencari jalan atau tenaga penggerak kepada manusia bagi memuaskan

atau memenuhi kehendak-kehendak id. Contohnya apabila seseorang individu merasa dahaga, ego mempunyai pilihan sama ada membeli, meminta atau mencuri minuman. Ego akan membuat keputusan bila akan bertindak untuk mendapatkan kehendak id supaya cara yang digunakannya tidak akan menjahanamkan organisme tersebut. Oleh itu, ego beroperasi di atas prinsip realiti (Mahmood Nazar Mohamed, 2001).

Super ego merupakan satu kuasa yang wujud di dalam jiwa seseorang individu itu dan yang mengawal segala kehendaknya, menentukan apa yang baik dan apa yang tidak baik serta menentukan sama ada sesuatu itu sesuai di dalam keadaan tertentu mengawal segala kehendaknya, menentukan apa yang baik dan apa yang tidak baik serta menentukan sama ada sesuatu itu sesuai di dalam situasi tertentu. Superego bersifat nonrasional dalam memenuhi kesempurnaan, menghukum dengan keras kesalahan ego, baik yang telah dilakukan mahupun masih dalam rancangan (fikiran). Superego juga seperti ego dalam mengawal id, bukan hanya menentang kepuasan tetapi juga menghalang kepuasan id. Setidaknya, ada tiga fungsi super ego; (1) mendorong ego melakukan perbuatan yang bermoral bukan mengikut kemahuan id (2) menghalang kehendak id, terutama implus seksual dan agresif yang bertentangan dengan nilai moral masyarakat, dan (3) mengejar kesempurnaan iaitu jenis yang unggul dan yang akan dijadikan alat pandu arah untuk digunakan oleh ego bagi memuaskan kehendak-kehendak id (Sigmud Freud, 1991).

Berdasarkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Psikoanalisis Sigmund Freud iaitu id, ego dan super ego amat relevan digunakan dalam kajian ini. Hal ini kerana menurut Nik Rafidah (2016:) sastera dan psikologi merupakan dua bidang yang berbeza tetapi mempunyai titik temu yang sama. Kedua-duanya membicarakan tentang manusia dan kehidupannya. Oleh yang demikian, pengkajian mengenai isu politik amat bersesuaian dengan teori psikologi yang dipilih kerana psikologi membicarakan tentang tingkah laku manusia. Manakala isu politik yang dibangkitkan ini teretus daripada tingkah laku manusia dalam meneruskan kelangsungan hidup. Hal ini kerana manusia dan politik merupakan dua entiti yang saling berkait dan tidak dapat dipisahkan.

PERBINCANGAN KAJIAN

“Politik” diertikan sebagai satu proses apabila satu kumpulan manusia yang mempunyai pandangan yang berbeza-beza pada awalnya, mencapai keputusan secara kolektif yang secara umumnya harus diterima oleh setiap ahli dalam kumpulan itu, dan akan dilaksanakan sebagai dasar yang diterima bersama. Definisi ini merangkum andaian mengenai kewujudan tujuan atau matlamat, cara yang terbaik untuk mencapainya, cara keputusan secara kolektif dicapai adalah bersifat autoritif. Oleh itu, politik tidak dapat dipisahkan daripada kekuasaan, autoriti dan pemerintahan (Syed Omar Syed Agil, 1999: 73). Justeru dalam konteks kajian ini pengkaji akan memperlihatkan pemikiran politik yang berkaitan dengan pemimpin dan kepimpinan dalam politik, politik dan kuasa, politik dan rasuah.

Pemimpin dan Kepemimpinan dalam Politik

Dalam membicarakan mengenai politik, sudah pastinya isu pemimpin yang akan dibahaskan. Hal ini kerana tanpa pemimpin pincanglah politik negara mahupun sesebuah organisasi. Menurut Nik. A Rashid dalam Abdul Halim Othman (1993:02) mengatakan kepimpinan melibatkan penggunaan pengaruh, komunikasi dan matlamat. Satu definisi

berbunyi seperti yang berikut:

“Kepemimpinan ialah suatu percubaan untuk pengaruh-mempengaruhi antara peribadi, yang diarahkan melalui proses komunikasi, menuju pencapaian satu matlamat atau beberapa matlamat”

Manakala kepemimpinan menurut pendapat Robiah K.Hamzah (2004:03), merupakan suatu bentuk hubungan apabila seseorang mempunyai kesempatan dan kemampuan untuk mempengaruhi perlakuan orang lain, melalui gerak laku, pemikiran, tutur kata, dan tindakannya. Proses kepimpinan tidak mungkin dapat dipisahkan daripada aktiviti kumpulan dan proses ini melibatkan peribadi serta ketokohan pemimpin, harapan orang yang dipimpin, suasana dan persekitaran, serta matlamat yang hendak dicapai.

Shamsul Amri Baharuddin (1990) mengatakan bahawa pemimpin politik memainkan peranan yang pelbagai. Selalunya mereka mempunyai kuasa dan wibawa dari segi pentadbiran sesebuah desa dengan direstui oleh kuasa atau di bawah naungan pemerintah sesebuah negeri atau negara.

Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun mengungkapkan fenomena kerakusan seorang pemimpin politik. Pengaruh dan kuasa politik dijadikan sebagai suatu landasan untuk menindas penduduk kampung. Oleh kerana sikap tamak yang mengejar kekayaan, ada segelintir pemimpin politik sanggup mengorbankan bangsanya sendiri. Pelbagai strategi dan tipu muslihat yang digunakan bagi menindas golongan yang lemah. Sedangkan pada hakikatnya, seorang pemimpin politik diamanahkan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan kawasan yang dipegang.

Hal ini dapat dilihat melalui gambaran watak Tan Sri Dahan yang merupakan seorang pemimpin politik yang tidak menjalankan amanah yang diberikan untuk membela nasib rakyat. Bahkan Tan Sri Dahan menggunakan tipu muslihat bagi mendapatkan tanah penduduk kampung yang akan dibangunkan sebagai kawasan industri. Sikap tamak Tan Sri Dahan menyebabkan orang kampung hilang pekerjaan dan kemiskinan kian menghimpit mereka.

Tan Sri Dahan juga digambarkan sebagai seorang pemimpin yang suka mengamalkan rasuah. Rasuah dijadikan sebagai satu umpan untuk dia mendapat sesuatu yang diinginkan. Tan Sri Dahan memberi rasuah RM 10, 000 kepada Dato' Mahfus bagi melicinkan pengurusan pengambilan tanah di bukit Kampung Bertam Malim. Selain wang, Tan Sri Dahan juga memberikan sebuah banglo, pangkat dan melantik Dato' Mahfus sebagai salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Syarikat Padu Menang Sdn. Bhd.

Pelbagai strategi yang diatur bagi menjayakan rancangan tersebut. Sehingga dia sanggup memperjudikan agama demi kepentingan sendiri. Bermula dengan pemecatan imam Haji Khamis dan digantikan dengan imam Haji Kusnin. Haji Kusnin menerima jawatan tersebut kerana diugut oleh Dato' Mahfus. Tindakan licik Tan Sri Dahan tidak disadari oleh penduduk kampung. Tawaran pakej umrah yang ditawarkan telah menjerat penduduk kampung. Hal ini kerana sesiapa yang telah menerima tawaran mengerjakan umrah secara automatiknya tanah bertukar hak milik. Namun, pihak pemaju tidak memberitahu penduduk kampung implikasi perjanjian tersebut.

Sikap buruk Tan Sri Dahan ditonjolkan oleh pengarang apabila dia telah memerangkap Dato' Mahfus dengan menunjukkan beberapa keping gambar memegang sampul surat berisi wang RM 10, 000. Wang tersebut merupakan rasuah yang diterima

daripada Tan Sri Dahan. Bukan itu sahaja, Tan Sri Dahan menunjukkan sepucuk surat daripada jawatankuasa cawangan partinya mengenai mesyuarat agung meluluskan usul tidak percaya kepada Dato' Mahfus. Terlibat sama dalam komplot tersebut ialah Megat Dewa dan Mad Dali. Dato' Mahfus juga dikenakan tindakan pecah amanah wang syarikat. Sedangkan wang peruntukan yang diberikan kepada penduduk kampung atas arahan Tan Sri Dahan.

Tan Sri Dahan juga digambarkan sebagai pemimpin yang mementingkan diri sendiri. Demi mendapatkan keuntungan, Tan Sri Dahan sanggup mengorbankan masa depan bangsanya sendiri. Pembangunan perumahan dikawasan tersebut menyebabkan pola penduduk bertukar wajah. Majoriti pemilik hartanah tersebut ialah bangsa Tionghoa. Hal ini menyebabkan pola penduduk menjadi tidak sekata. Penduduk asal kampung Bertam Malim tidak dapat menikmati erti pembangunan yang sebenarnya. Kemasukan warga asing yang tidak terkawal menjadi saingan hebat kepada penduduk kampung. Ramai penduduk kampung hilang pekerjaan. Tanah yang asalnya merupakan tanah pertanian sudah bertukar wajah menjadi perindustrian.

Pembangunan yang tidak terkawal telah menjejaskan pendapatan masyarakat yang kebanyakannya bertani sawah. Kesan yang lebih buruk lagi kerana kelemahan kepimpinan Melayu ialah kawasan yang dahulunya dipegang oleh parti Melayu akhirnya bertukar milik diterajui oleh parti berasaskan bangsa Tionghoa. Kehidupan masyarakat semakin terancam. Tiada wakil rakyat yang bertanggungjawab menyelesaikan masalah penduduk kampung. Mainan politik telah menyebabkan rakyat hilang maruah. Ini seperti yang selalu di katakan oleh Mak Som, tanah merupakan maruah, bangsa yang tiada tanah merupakan bangsa yang bangsat. Sikap negatif Tan Sri Dahan sebagai pemimpin yang tidak bertanggungjawab dapat dilihat melalui petikan berikut:

“ *Well*, memang itu pun kemungkinannya kalau terjadi begitu, lebih mudah misi kita. Perpecahan pemilik tanah bermakna mereka tiada kesepakatan. Tiada persefahaman bermakna mereka tiada suara yang kuat. Kita mesti melemahkan semaksimum mungkin kekuatan mereka. Apabila mereka bersatu, kita pula celaru nanti”, Tan Sri Dahan meneruskan kuliah politik tidak rasminya untuk Dato' Mahfus. Sesekali Tan Sri Dahan tersenyum sambil menggeleng-geleng kepalanya sedikit kerana melihat Dato' Mahfus masih naif dalam langkah bisnes dan politiknya.

(*Nenek*, 2014:119)

Kepimpinan politik yang lemah ini juga dapat dilihat melalui gambaran Dato' Mahfus. Pada asalnya, Dato' Mahfus merupakan ketua kerani di Pejabat Tanah. Dia bersyukur dengan rezeki yang diperolehi. Namun, setelah berkenalan dengan Tan Sri Dahan, pendirian Mahfus mulai goyah. Dia menjadi tamak dan mengejar kekayaan sehinggakan sanggup menganiaya penduduk kampung. Semua yang dilakukan itu adalah kerana inginkan pangkat, kemewahan dan juga pengaruh.

Sama juga seperti Tan Sri Dahan, dalam mencapai impian dan cita-cita Dato' Mahfus sanggup “menjual” tanah sawah penduduk kampung. Bermula daripada tanah penduduk kampung yang tidak dituntut waris. Dengan kuasa yang ada sebagai Ketua Kerani kerja pengambilan tanah tersebut menjadi lebih mudah. Situasi tersebut dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Ketika ada pihak yang mempertikaikan pengambilan itu, Dato' Mahfus tegas mempertahankan keputusan Pejabat Tanah. Katanya, semua proses sepatutnya sudah dijalankan. Pejabat Tanah sudah cuba mencari waris ketiga-tiga pemilik asal namun gagal. Pejabat Tanah juga sudah mengiklankan status tanah itu di akhbar-akhbar utama. Gagal juga. Akhirnya, tanah yang diidam-idamkan syarikat pemaju perumahan itu berjaya bertukar tangan. Anak sulung Haji Kiran dan Mak Som itu meletak jawatan tidak lama kemudian. Dia tidak menganggur lama. Selepas dua minggu, dia dilantik sebagai salah seorang ahli lembaga pengarah syarikat itu.

(*Nenek*, 2014:21)

Selain itu, kepimpinan politik dapat dilihat melalui gambaran watak Mad Dali dan Megat Dewa yang mengkhianati Dato' Mahfus kerana ingin mendapatkan jawatan. Mereka bercita-cita menjadi wakil rakyat. Oleh kerana inginkan kuasa, mereka telah berpakat meluluskan usul tidak percaya kepada Dato' Mahfus. Situasi tersebut dapat dilihat melalui petikan di bawah:

Tan Sri Dahan belum puas berkata benar. Dia menunjukkan pula sepucuk surat daripada jawatankuasa cawangan partinya kepada Dato' Mahfus. Surat itu adalah notis pemberitahuan mengenai mesyuarat agung luar biasa bagi meluluskan usul tidak percaya kepada ketua cawangan. Ketua cawangan itu tidak lain ialah Dato' Mahfus bin Haji Kiran. Surat itu ditandatangani oleh timbalannya Mad Dali dan setiausaha, Megat Dewa. Akhirnya terbukti sudah. Megat Dewa memang tamak kuasa dan sekarang bersekongkol pula dengan Mad Dali untuk mengkhianati Dato' Mahfus tergamam. Tan Sri Dahan sebaliknya tersenyum lebar.

(*Nenek*, 2014:223)

Sikap pemimpin politik yang ditunjukkan dalam novel tersebut jelas melanggar prinsip seorang pemimpin yang telah digariskan dalam Islam. Ini dapat dilihat melalui pendapat Abdul Hakam Jamaluddin (2016) mengatakan bahawa seorang pemimpin wajib berlaku adil dan menjauhi perbuatan zalim. Prinsip adil ini mempunyai kedudukan yang amat tinggi dalam struktur kehidupan sosial masyarakat Islam. Islam mengutamakan seorang pemimpin yang adil dan bertindak sesuai dengan landasan agama. Kehidupan rakyat akan terjamin dan terbela daripada diambil kesempatan oleh pihak lain.

Dari sudut psikologi Freud, sikap pemimpin yang dinyatakan dalam teks tersebut adalah kerana unsur id terlalu tinggi sehingga tidak dapat dikawal oleh ego. Sikap pemimpin yang lebih mementingkan nafsu telah memberi impak yang negatif kepada orang yang dipimpin iaitu penduduk kampung.

Politik dan Kuasa

Menurut Jeniri Amir (2005) kuasa berperanan sebagai enjin politik bagi menggerakkan sistem perhubungan manusia. Kuasa diburu, digunakan, dan diabsahkan kerana kuasa ialah faktor penentu pengagihan nilai yang adil dalam masyarakat sempurna. Tanpa kuasa pemimpin politik tidak akan dapat melaksanakan dasar, memenuhi aspirasi pengikut dan rakyat, malah dia tidak dapat mempengaruhi mereka; lantas menyebabkannya tidak dihormati. Justeru, banyak orang amat berminat dan memerlukan politik dan kuasa untuk memperolehi apa juga impian dan matlamat (Ahmad Atory Hussain 1998). Oleh itu,

politik dan kuasa dalam novel *Nenek* memperlihatkan kepada kita bahawa mampu mengubah pegangan dan nasib seseorang. Kemewahan yang dijanjikan dalam dunia politik menyebabkan Mahfus hilang pertimbangan. Kata-kata nasihat yang diberikan oleh Dato' Mulukut mempengaruhi Mahfus untuk menjadikan politik sebagai jalan yang terbaik untuk mencapai kejayaan. Oleh kerana, ahli politik berpegang kepada 'seni serba boleh' menyebabkan mereka tidak berperikemanusiaan sehingga sanggup menganiaya dan menzalimi golongan yang lemah. Situasi tersebut dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

“Dalam politik yang penting jangan melawan arus”, Mahfus terkenang semula nasihat Dato' Mulukut. “Tidak ada istilah kebenaran dalam politik. Yang benar pada masa kini boleh menjadi tidak benar pada masa yang lain, dan begitulah sebaliknya. Hari ini lawan, esok boleh jadi kawan. Politik ialah seni serba boleh. Tiada yang mustahil dalam politik”.

(*Nenek*, 2014:27)

Justeru Dato' Mahfus telah memilih terlibat dengan dunia politik bagi mendapatkan kesenangan. Dalam dunia politik, manusia semua mengejar kebendaan. Hal ini jelas dibuktikan melalui petikan di bawah:

Dato' Mahfus sudah nekad untuk memilih jalur politik sebagai usaha mencapai cita-citanya. Dia yakin, jalur politik adalah jalan pintas bagi seseorang mencapai kejayaan. Jalan lain bukannya tidak ada, tetapi lebih payah untuk menjadi senang dan mewah.

(*Nenek*, 2014:42)

Hal ini selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh Machiavelli (1989) dalam Jeniri Amir (2005) yang menyifatkan politik sebagai seni yang memungkinkan, seni strategi dan taktik untuk mendapatkan kuasa bagi mencapai impian dan matlamat pelakon politik dengan apa-apa cara sekalipun. Kuasa ialah alat yang amat penting dalam politik, dan alat inilah yang diburu oleh setiap pelakon politik.

Dari sudut psikologi Freud, sikap Mahfus ini adalah kerana desakan id yang inginkan kuasa serta kemewahan dalam hidup. Oleh itu, ego tidak dapat mengawal Mahfus, lalu dia bertindak sedemikian bagi memenuhi keinginannya.

Politik dan Rasuah

Rasuah ditakrifkan sebagai pencurian melalui penipuan terhadap badan pemerintah, syarikat swasta ataupun orang awam. Rasuah terdiri daripada tiga komponen iaitu penyuaipan, pemerasan dan nepotisme (pilih kasih). Ada suatu benang yang menghubungkan ketiga-tiga jenis komponen itu, iaitu meletakkan kepentingan masyarakat umum di bawah kepentingan peribadi serta pecah amanah (Syed Farid Alatas, 2009). Manakala menurut Ibn Athir (dalam Ahmad Redzuwan, 2003), rasuah bererti ‘menyampaikan hajat dengan memujuk melalui pelbagai cara’. Mengikut pendapat al-Sinni pula, dalam Ahmad Redzuwan (2003) rasuah asalnya ialah ‘menghulurkan tali ke dalam perigi untuk mengambil air. Pengertian ini sesuai dengan firman Allah S.W.T:

Terjemahan: Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) di

kalangan kamu dengan jalan yang salah, dan janganlah kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).

(Surah al-Baqarah 2:188)

Ayat ini menguatkan lagi larangan perbuatan rasuah kerana menghulurkan harta kepada hakim dengan tujuan memakan hak orang lain. Keadaan ini diibaratkan seperti menghulurkan tali timba ke dalam perigi untuk mendapatkan air. Dalam novel *Nenek* karya Razali Endun (2014) memperlihatkan gejala rasuah banyak diperkatakan dalam novel tersebut. Antara bentuk rasuah yang dapat dikenal pasti dalam novel ini ialah rasuah dalam bentuk wang, harta dan juga pangkat.

Melalui penelitian pengkaji, novel *Nenek* mengetengahkan isu mengenai rasuah yang telah menular dalam masyarakat. Perbuatan rasuah dalam bentuk wang dapat dilihat melalui watak Tan Sri Dahan yang memberi sogokan kepada Dato' Mahfus bagi mendapatkan tanah orang kampung untuk dibangunkan. Sikap Tan Sri Dahan yang mengamalkan rasuah bagi memenuhi kehendaknya menunjukkan contoh yang tidak baik kepada pegawai kerajaan. Situasi tersebut dapat diperhatikan melalui petikan berikut:

Benaknya masih dihantui sampul surat yang dicampakkan oleh Tan Sri Dahan ke dalam lacinya. Mahfus benar-benar tidak menyangka ahli perniagaan itu sanggup memberisogokan kepadanya. Tan Sri Dahan menunjukkan contoh yang hodoh kepada pegawai kerajaan. Akan tetapi, sebelum beredar petang tadi, sempat Tan Sri Dahan berbisik di telinga Mahfus, "Ini bukan rasuah, Encik Mahfus. Ini cuma hadiah".

(*Nenek*, 2014:24)

Perbuatan rasuah dalam novel tersebut berulang lagi pada halaman 76. Selain rasuah dalam bentuk wang, rasuah dalam bentuk gelaran juga berlaku dalam kalangan ahli politik. Manusia yang tamak dan ingin mendapat kekuasaan sanggup melakukan apa sahaja untuk memenuhi kehendak tersebut. Ada segelintir manusia yang sanggup mengeluarkan wang yang banyak bagi mendapatkan sesuatu 'gelaran'. Situasi tersebut dapat diperhatikan dalam petikan di bawah:

Bukannya dia tidak teringin mendapat gelaran. Ia perkara biasa dalam dunia sekarang. Mahfus juga sedar ada orang yang sanggup mengeluarkan wang yang banyak untuk "membeli" pingat kebesaran kerana mahu bermegah dengan gelaran itu.

(*Nenek*, 2014:76)

Sikap manusia yang menerima rasuah kerana kuasa dan pangkat dijelaskan oleh (Ahmad Redzuwan, 2003) sebagai memetik pandangan Sabita Marican menyatakan bahawa :

"Rasuah mempunyai banyak pengertian dan mencakupi skop yang luas. Ia wujud bukan sahaja dalam bentuk wang tetapi meliputi penyalahgunaan pengaruh dan kuasa, penipuan serta apa-apa perbuatan yang tidak jujur, bertujuan untuk menjadi

cepat kaya atau mendapat keuntungan daripada orang awam”.

Perbuatan rasuah dalam bentuk wang berulang lagi pada halaman 118 dan 119. Tan Sri Dahan mengusulkan kepada Dato’ Mahfus untuk memberikan wang sebanyak RM 500 seorang kepada pemilik tanah yang hadir. Ini adalah strategi kotor yang digunakan oleh Tan Sri Dahan untuk mendapatkan tanah penduduk kampung. Hal ini kerana manusia akan lemah dengan tiga perkara tersebut iaitu wang, pangkat dan wanita. Selain itu, Tan Sri Dahan menawarkan cabutan bertuah iaitu pemenang akan mendapat hadiah percuma untuk mengerjakan umrah. Manusia yang tamak sanggup melakukan apa sahaja demi kepentingan mereka sehingga sanggup menjadikan agama sebagai umpan. Tan Sri Dahan sanggup menjadikan agama sebagai umpan bagi mencapai tujuannya untuk mendapatkan tanah di kampung tersebut. Kekayaan telah mengaburi mata Tan Sri Dahan yang terlalu mengejar kemewahan duniawi. Situasi tersebut dapat dilihat melalui petikan di bawah:

“Mungkin *you* boleh bawa sedikit oleh-oleh untuk orang kampung. *I* boleh luluskan peruntukan RM 500 seorang sebagai wang ihsan kepada setiap pemilik tanah yang hadir. Saya percaya ramai yang akan terima, walaupun ada yang menolaknya”. Cadangan Tan Sri Dahan memberi cahaya kepada kemelut yang Dato’ Mahfus hadapi “ Kalau ada yang masih degil, kita tawarkan cabutan bertuah dengan hadiah umrah percuma kepada pemenang. Syarikat akan tanggung semua perbelanjaan mereka,” kata Tan Sri Dahan licik mengatur langkah.

(*Nenek*, 2014:119)

Perbuatan rasuah dalam bentuk harta benda juga diketengahkan oleh pengarang. Fenomena ini dapat diperlihatkan melalui watak orang Cina Tionghoa yang memberikan sebuah televisyen berukuran 24 inci berserta sebuah meja berbentuk almari kepada Dato’ Mahfus. Hadiah tersebut diberikan secara percuma kepada Dato’ Mahfus. Hal ini kerana, jiran Tionghoa Dato’ Mahfus memberi ‘hadiah’ sebagai ucapan terima kasih kerana Dato’ Mahfus mengizinkan mereka menubuhkan cawangan parti untuk golongan Tionghoa di kawasan perumahan tersebut. Situasi tersebut dapat di buktikan melalui petikan berikut:

Selepas majlis itu, Dato’ Mahfus pulang dengan lelah dan letih. Sampai di rumah, dia diberitahu oleh Mariati, jiran Tionghoa yang datang kelmarin membawa sebuah peti televisyen berukuran 24 inci berserta sebuah meja berbentuk almari sebagai alasnya. Televisyen itu sudah siap dipasang di tingkat atas. Ketika Dato’ Mahfus pulang, anaknya, Omar Koyam dan Seri Intan sedang asyik menonton cerita kartun. Kata Mariati, televisyen itu ialah hadiah untuk anak-anak Dato’ Mahfus. Tak perlu bayar apa-apa. Percuma.

(*Nenek*, 2014:171)

Jika dilihat dari sudut psikologi, desakan id pemimpin politik seperti yang telah dipaparkan dalam teks tersebut terlalu tinggi sehingga ego tidak berupaya menjadi jaringan terhadap sikap buruk manusia. Maka, rasuah semakin berleluasa dan suda sebat dengan pemimpin politik bagi mendapat kuasa. Sehingga ego tidak mampu berperanaan ke arah keunggulan sifat manusia.

KESIMPULAN

Berdasarkan pengkajian mengenai novel *Nenek* jelas menggambarkan unsur politik yang diketengahkan oleh Razali Endun. Novel *Nenek* karya Razali Endun jelas memaparkan unsur politik. Antara unsur politik yang menjadi tumpuan dalam kajian ini ialah pemimpin dan kepemimpinan dalam politik. Aspek ini jelas membuktikan bahawa kepemimpinan politik yang lemah akan menjejaskan keharmonian sesuatu bangsa. Selain itu, kuasa memainkan peranan yang amat penting dalam politik. Dalam politik kuasa amat penting bagi mendapatkan pengaruh dan boleh mempengaruhi orang lain. Seterusnya ialah politik dan rasuah ini membicarakan mengenai tingkah laku ahli politik yang mengamalkan rasuah bagi mendapatkan tanah penduduk kampung. Justeru, unsur politik yang dipaparkan dalam novel *Nenek* karya Razali merupakan realiti kehidupan yang berlaku dalam masyarakat.

RUJUKAN

- Ahmad Atory Hussain. 1998. *Dari Berantakan Menuju Pembangunan Politik Melayu 1990-2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Halim Othman. 1993. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdullah Hakam Jamaluluddin (Dis 2016). ‘‘Ciri-Ciri Pemimpin dalam Islam’’ dlm Dewan Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 10
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2003. *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Punca dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Dewan Sastera* (2016). ‘‘Nenek, Novel Sederhana yang Besar’’. 45. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghazali Ramli, Aidit Ghazali. 2001. *Pemimpin Politik Berwibawa Pada Alaf Baru Cabaran dan Panduan*. Kuala Lumpur: Akademi Iqra’.
- Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub. (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat 2012. *Politik dan Masyarakat Melayu Perak*. Malaysia: Universiti Tun Hussein Onn.
- Jeniri Amir. 2005. *Politik dalam Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mahmood Nazar Mohamed. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Sani Ibrahim, Jamalul Lail Abdul Wahab. 2012. *Kepimpinan Pendidikan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Syakir Mohd Rosdi. (2013). *Ekonomi Politik Islam Teori dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Razali Endun. 2014. *Nenek*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia ITBM.
- Robiah K. Hamzah. 2004. *Teknik dan Strategi Membimbing Remaja Kepimpinan*. Kuala Lumpur: Percetakan Cergas Sdn. Bhd.
- Rosnani Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2017. ‘‘Fenomena Sosial dalam Novel *Nenek* karya Razali Endun’’. Jurnal PENDETA 8. Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Rosnani Md Zain, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2018. ‘‘Unsur Konflik dalam

- Novel Nenek karya Razali Endun”. *Jurnal Malay Literature* Vol 31, 1 Jun. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1990. *Masyarakat Malaysia yang Membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sigmund Freud. Terjemahan K. Bertens. 1991. *Memperkenalkan Psikoanalisa*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Syed Ahmad Hussein. 1994. *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Hussein Alatas. 2009. (Kata Pengantar) Syed Farid Alatas. *Rasuah: Sifat, Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Omar Syed Agil. 1996. *Malaysia di Ambang Abad ke-21 Kemahuan untuk Berubah Prasyarat Menuju Malaysia Maju Tahun 2020*. Kuala Lumpur Institut Perkembangan Minda (INMIND)